

13/02/2001

Had umur Puteri Umno merangkumi ketua: Pak Lah

KUALA LUMPUR, Isnin - Had umur 35 tahun bagi keahlian Puteri Umno turut merangkumi ketuanya dan ia tidak akan disamakan dengan struktur umur pergerakan Pemuda Umno.

Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata had usia 35 tahun itu adalah untuk sesiapa saja yang terbabit dengan Puteri Umno.

"Pemuda adalah Pemuda... Puteri Umno lain," katanya ketika ditanya mengapa struktur umur bagi Ketua Puteri Umno tidak diselaraskan dengan Ketua Pergerakan Pemuda Umno.

Mesyuarat MT Umno Sabtu lalu membuat keputusan mengenai had umur keahlian Puteri Umno yang ditetapkan pada 35 tahun dan satu jawatankuasa penaja di peringkat pusat akan ditubuh bagi menggerakkannya.

Keahlian dalam Pemuda Umno adalah mereka yang berusia 40 tahun ke bawah tetapi tiada had umur bagi Ketuanya. Bagaimanapun, Umno sebelum ini memutuskan Ketua Puteri Umno secara automatik menjadi ahli MT, manakala Ketua Pemuda adalah berkedudukan Naib Presiden, seperti juga Ketua Wanita.

Bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Konvensyen dan Pameran Kuala Lumpur 21 di sini, hari ini, Abdullah mesyuarat pengurusan Umno Rabu ini akan membincang lanjut mengenai penubuhan jawatankuasa penaja Puteri Umno.

Beliau berkata, pihaknya setakat ini belum memikirkan siapa yang bakal menganggotai jawatankuasa penaja itu.

"Kita akan berbincang mengenai jawatankuasa penaja Puteri Rabu ini dan akan membuat cadangan tertentu berkaitan penubuhannya," katanya.

Abdullah juga berkata, biro politik Umno belum membuat keputusan mengenai siapa yang akan menganggotai panel bagi mewakili parti itu untuk mengadakan perbincangan terbuka dengan Pas mengenai perpaduan Melayu pada 19 Februari ini.

Katanya, biro politik Umno yang diketuai sendiri oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad belum mengadakan mesyuarat bagi tujuan itu.

"Belum ada keputusan lagi. Nantilah biro politik jumpa dulu dan kita akan tetapkan senarai berapa orang nak pergi," katanya.

Mesyuarat MT Sabtu lalu, mengambil keputusan untuk mengadakan perbincangan terbuka tanpa sebarang syarat mengenai perpaduan Melayu pada 19 Februari ini. Ia juga bersetuju dengan tarikh dan bilangan perwakilan seramai enam orang seperti yang dikemukakan oleh Pas dalam pertemuan jawatankuasa teknikal kedua-dua parti, Khamis lalu.

Perwakilan akan diketuai presiden masing-masing iaitu Dr Mahathir manakala Pas diketuai Presidennya Fadzil Noor.

(END)